

Kuala Nerus: Seorang ibu buntu untuk membesarkan empat anak masih kecil selepas suami yang menjadi tempat bergantung meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya, Jumaat lalu.

Namun demi melihat anak membesar dengan sempurna, Nurul Akmmar Hassan, 29, berhasrat mencari sumber rezeki dengan membuat kuih untuk dihantar ke kedai makan di sekitar rumah mentuanya di Kampung Tanjung, Batu Rakit di sini.

Nurul Akmmar yang juga suri rumah sepenuh masa berasal dari Kerandang, Jer-teh berkata, dia yang masih berpantang selepas bersalin anak keempat hampir pengsan selepas mendapat tahu suaminya, Mohd Zuhairi Mohd Noor, 39, maut dalam kemalangan itu.

"Pagi itu dia (arwah suami) meminta saya menyediakan teh O dan biskut untuk sarapan sebelum keluar memotong rumput da-

Arwah 'bergurau' tak mahu jaga anak



FARIHAH (kanan) ketika menyantuni keluarga Nurul Akmmar (kiri) bagi menyampaikan Faedah Pencen Penakat dan Faedah Pengurusan Mayat Perkeso di rumah mentuanya di Kampung Tanjung, Batu Rakit, Kuala Nerus. - Gambar NSTP/ZAID SALIM

lam kawasan UMT (Universiti Malaysia Terengganu).

"Sebelum ini, makanan pagi arwah buat sendiri disebabkan keadaan saya masih kurang sihat tetapi pagi itu, arwah meminta saya buat teh O untuk dia.

"Sepanjang 28 hari saya berpantang, semua kerja

rumah termasuk menguruskan anak, arwah yang lakukan.

"Saya tidak sangka itu permintaan terakhir suami sebelum dia maut dalam kemalangan," katanya ditemui selepas menerima Faedah Pengurusan Mayat

daripada Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) negeri, Fariyah Che Husin, kelmarin.

Menurutnya, arwah mengalami kemalangan dengan sebuah pacuan empat roda ketika dalam perjalanan pulang ke rumah pada jam 10.30 pagi.

"Beberapa hari sebelum meninggal dunia, arwah suami memberitahu tidak mahu lagi menjaga anak selain tidak akan ada lagi anak dengannya selepas ini.

"Saya anggap kata-kata itu gurauan kerana arwah sangat sayang dan rapat dengan anak," katanya.

Menurutnya, arwah juga menjual sebahagian daripada ikan laga yang dibelanya dengan harga murah sedangkan sebelum itu arwah sangat sayang dan tidak pernah menjual ikan itu walaupun ditawarkan dengan harga tinggi.

"Arwah turut membebaskan burung tekukur dibelanya," katanya.

Ibu empat anak, Qistina Nur Imani, 11, Muhammad Qhalif Iman, 7, Qaireen Nur Tasnim, 2, dan Qisya Nur Ameena, 28 hari itu berkata, menjadi rutin arwah bersalaman dengan dua anaknya ketika menghantar ke

sekolah.

Bagaimanapun, katanya, beberapa hari sebelum terbabit kemalangan, arwah tidak bersalam dengan dua anak terbabit menyebabkan Qistina Nur Imani dan Muhammad Qhalif berasa pelik dengan sikap bapa mereka.

Menurutnya, dia tidak menyangka banyak perubahan yang berlaku pada diri arwah itu petanda dia mahu pergi menemui Pencipta.

Nurul Akmmar berkata, dia sanggup melakukan apa sahaja pekerjaan bagi mendapatkan wang untuk membesarkan anak biarpun mengakui sukar untuk menempuh kehidupan tanpa arwah di sisi.

"Sukar untuk menerima kenyataan yang suami sudah tiada, tetapi saya reda kerana Allah lebih sayangkan dia," katanya.

Menurutnya, dia akan menggunakan wang pencen (penakat) kira-kira RM900 sebulan untuk membesarkan anak selain dijadikan modal berniaga kuih.

selasa 23/5/23
Harian Metro
4

TARIKH: 23/5/23
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 4